



Buku ini diterbitkan oleh Pustaka Negeri Sarawak dengan kerjasama Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) bertujuan untuk mendokumentasi satu tradisi yang amat unik serta tidak dapat dilihat di mana-mana tempat yang lain di Malaysia. Tradisi ini telah dianjurkan secara turun-temurun di Kampung Sebandi Ulu, Asajaya, Kota Samarahan, Sarawak pada setiap tahun sempena sambutan Maulidur Rasul dan telah menjadi satu aktiviti yang amat dinanti-nanti oleh masyarakat setempat.

Adalah diharapkan melalui penerbitan buku ini, pengetahuan berkaitan tradisi unik ini dapat dikongsi dengan masyarakat luar yang tidak berpeluang mengalami pengalaman 'Tukar Palak Kuih' di Kampung Sebandi Ulu. Buku ini akan menerangkan persediaan yang dilalui oleh penduduk kampung sebelum dan semasa tradisi ini dijalankan. Pengalaman tradisi sambutan Maulidur Rasul di kampung ini juga boleh dinikmati melalui aplikasi *Augmented Reality* di mana pembaca boleh melihat sorotan video yang telah direkodkan melalui aplikasi peranti pintar.



SIRI SARAWAKIANA

Tukar Palak Kuih



# Tukar Palak Kuih

● TRADISI SAMBUTAN MAULIDUR RASUL KAMPUNG SEBANDI ULU, ASAJAYA, SARAWAK. ●



SIRI SARAWAKIANA





# Tukar Palak Kuih

● TRADISI SAMBUTAN MAULIDUR RASUL KAMPUNG SEBANDI ULU, ASAJAYA, SARAWAK. ●

SIRI SARAWAKIANA



# Tukar Palak Kuih

● TRADISI SAMBUTAN MAULIDUR RASUL KAMPUNG SEBANDI ULU, ASAJAYA, SARAWAK. ●

**SIRI SARAWAKIANA**

**Oleh:**

**Yakup Mohd Rafee. Ph.D**

**PUSTAKA NEGERI SARAWAK**

**2020**



© 2020 PUSTAKA NEGERI SARAWAK

Hak cipta terpelihara. Karya yang disiarkan di dalam penerbitan ini tidak boleh diterbitkan semula dalam apa-apa jua bentuk dan dengan apa-apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pustaka Negeri Sarawak.

Penulis / **Yakup Mohd Rafee**

Editor / **Awangko' Hamdan Awang Arshad**

Penolong Editor / **Sylvester Wielding Jussem**

Fotografi & Dokumentasi Aerial / **Mohamad Zamhari Abol Hassan**

Videografi / **Mohd Affendi Azizan  
Bartolomew Andoy Antas**

Rekabentuk / **Jasmine Wee Shu Ping**

Penyelidik Bersama / **Doris Maying**

*Diterbitkan oleh*

**Pustaka Negeri Sarawak**

Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium Petrajaya 93050 Kuching, Sarawak, Malaysia.  
Tel: (60)82-442000 (General Line) Fax: (60)82-449944 E-mel: librarian@sarawak.gov.my

*Dicetak oleh*

**Pantas Sejahtera Sdn. Bhd.**

Sublot 8, Parent Lot 2985, Block 12 Muara Tebas Land District, TRV 1 Light Industrial Estate, Off Jalan Setia Raja, 93350 Kuching, Sarawak.  
Tel: (60)12-8898850 / (60)8531638 Fax: (60)82-412696 E-mel: pantas.sejahtera@gmail.com

---

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Yakup Mohd. Rafee

Tukar Palak Kuih : TRADISI SAMBUTAN MAULIDUR RASUL KAMPUNG SEBANDI ULU, ASAJAYA, SARAWAK

/ Yakup Mohd Rafee.

(SIRI SARAWAKIANA)

ISBN 978-983-9205-68-8 (hardback)

1. Rites and ceremonies--Malaysia--Kota Samarahan (Sarawak).

2. Mawlid al-Nabi.

3. Malays (Asian people)--Malaysia--Kota Samarahan (Sarawak)--Social life and customs.

4. Government publications--Malaysia.

I. Judul. II. Siri.

390.095952208





# Panduan

Buku ini dilengkapi dengan aplikasi *Augmented Reality* bagi memberi kesan interaktif visual kepada pembaca. Sila ikuti panduan di bawah bagi tujuan tersebut.

## 01

Muat turun aplikasi *Artivive* dari **QR code** berikut.



QR code

## 02

Posisikan alat peranti anda ke atas gambar yang mempunyai **logo** untuk paparan kesan *Augmented Reality*.



Artivive Logo



# Kandungan

<b>X - XI</b>	<b>01</b> Sekapur Sireh
<b>XII - XIII</b>	<b>02</b> Seindah Madah
<b>XIV - XXI</b>	<b>03</b> Pengenalan
	Sejarah & Asal-usul Kampung Sebandi Ulu
	Sambutan Maulidur Rasul di Kampung Sebandi Ulu
<b>01 - 24</b>	<b>04</b> Persediaan Sebelum Hari Sambutan
	Penyediaan Kuih Tradisional
	Penyediaan Palak Kuih
	Memotong & Menyusun Kuih
<b>25 - 50</b>	<b>05</b> Persediaan Semasa Hari Sambutan
	Majlis Berzikir
	Jamuan Makan Tengahari
	Majlis Berzikir & Potong Jambul
	Perarakan Tukar Palak Kuih



<b>51 - 66</b>	<b>06</b> Galeri Palak Kuih
<b>67 - 70</b>	<b>07</b> Penutup
<b>71 - 74</b>	<b>08</b> Bibliografi
<b>75 - 78</b>	<b>09</b> Penghargaan
<b>79 - 86</b>	<b>10</b> Di Sebalik Tabir
<b>87 - 90</b>	<b>11</b> Indeks



# Sekapur Sireh

TAN SRI DATUK AMAR (DR.) HAMID BUGO



Tanpa budaya, tidak akan wujud peradaban dan tanpa masyarakat, tidak akan ada masa depan. Budaya sesebuah masyarakat membentuk peradaban yang seterusnya akan memastikan kelestarian sesebuah masyarakat pada masa hadapan. Oleh itu, budaya yang menonjolkan identiti sesebuah masyarakat perlu dipelihara agar melahirkan jatidiri yang gemilang bagi kemajuan masa depan.

Ahli politik terkenal India, Mahatma Gandhi (1869-1948) menegaskan bahawa 'sebuah budaya bangsa tinggal di hati dan di dalam jiwa rakyatnya' dan inilah yang digambarkan melalui usaha berterusan penduduk Kampung Sebandi Ulu, Asajaya dalam mengekalkan adat warisan dan budaya tradisi Tukar Palak Kuih sempena sambutan Maulidur Rasul. Keunikan dan kemeriahan yang dikongsi bersama dengan masyarakat dalam tradisi ini amatlah dihargai dan diharapkan ianya akan tetap diteruskan oleh generasi akan datang. Bertitik tolak daripada aspirasi nilai mulia, perkembangan ilmu pengetahuan dan kelestarian budaya tradisi ini, Siri Sarawakiana mengorak langkah untuk mendokumentasi warisan kebudayaan di dalam penerbitan buku ini.

Tahniah diucapkan di atas usaha dan komitmen padu yang diberikan oleh Pustaka Negeri Sarawak dan kumpulan penyelidik dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) serta penduduk Kampung Sebandi Ulu yang terlibat dalam penerbitan buku **Siri Sarawakiana: Tradisi Tukar Palak Kuih** ini. Adalah diharapkan usaha yang telah dijalankan melalui penerbitan ini dapat dijadikan rujukan dalam memperkukuhkan jatidiri berkaitan warisan, kesenian serta kebudayaan Sarawak terutama kepada generasi muda.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Hamid Bugo', written in a cursive style.

TAN SRI DATUK AMAR (DR.) HAMID BUGO

Pengerusi, Lembaga Pengurusan  
Pustaka Negeri Sarawak



# Seindah Madah



DR RASHIDAH HAJI BOLHASSAN

Tradisi sambutan Tukar Palak Kuih yang disambut oleh penduduk Kampung Sebandi Ulu, Asajaya, Sarawak adalah satu acara yang amat unik kerana hanya di sini satu-satunya tempat yang mengamalkan tradisi ini, bukan sahaja di Sarawak malah di seluruh Malaysia. Tradisi ini adalah bersempena Maulidur Rasul yang disambut oleh seluruh umat Islam pada setiap 12 Rabiulawal pada setiap tahun Hijrah.

Walaupun masyarakat pada hari ini terdedah dengan kemajuan dan pembangunan yang pesat, pemeliharaan budaya juga tidak boleh dilupakan kerana ianya merupakan satu aset kepada jatidiri sesebuah masyarakat. Usaha yang dijalankan oleh masyarakat Kampung Sebandi Ulu dalam memastikan kelestarian tradisi Tukar Palak Kuih ini adalah sesuatu yang amat dihargai.

Penerbitan **Siri Sarawakiana: Tradisi Tukar Palak Kuih** pada kali ini merupakan satu lagi usaha berterusan oleh Pustaka Negeri Sarawak dalam mendokumentasikan keunikan budaya yang terdapat di Sarawak. Ini juga antara usaha dalam memastikan budaya ini akan terus terpelihara dan boleh dijadikan sumber rujukan kepada para penyelidik dan generasi muda yang akan datang.

Adalah diharapkan usaha ini akan diteruskan dalam mengetengahkan keunikan dan keistimewaan kepelbagaian budaya dari etnik lain di Sarawak yang juga tidak kurang uniknya. Semoga dengan penerbitan buku ini, budaya yang terdapat di Sarawak akan terus dipelihara dan dipulihara.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan di atas usaha dan kerjasama yang telah diberikan oleh semua yang terlibat dalam memastikan kejayaan penerbitan buku ini.

Berjalan-jalan mencari rotan,  
Mencari teduh di dalam gua,  
Tradisi warisan terus dikekalkan,  
Budaya unik kebanggaan semua.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Rashidah', written in a cursive style.

DR RASHIDAH HAJI BOLHASSAN

Ketua Pegawai Eksekutif  
Pustaka Negeri Sarawak





# 03

---

## PENGENALAN

- I Sejarah & Asal-usul Kampung Sebandi Ulu
- I Sambutan Maulidur Rasul di Kampung Sebandi Ulu




Buku ini diterbitkan oleh Pustaka Negeri Sarawak dengan kerjasama Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) bertujuan untuk mendokumentasi satu tradisi yang amat unik serta tidak dapat dilihat di mana-mana tempat yang lain di Malaysia. Tradisi ini telah dianjurkan secara turun-temurun di Kampung Sebandi Ulu, Asajaya, Kota Samarahan, Sarawak pada setiap tahun sempena sambutan Maulidur Rasul dan telah menjadi satu aktiviti yang amat dinanti-nanti oleh masyarakat setempat.



Tradisi yang dinamakan sebagai 'Tukar Palak Kuih' ini merupakan satu tradisi bertukar talam yang berisi pelbagai jenis kuih antara penduduk kampung di sini selepas selesai majlis berzikir dan berselawat di masjid.

Dipercayai bermula pada era 1940-an, sambutan Maulidur Rasul di sini pada awalnya adalah sama seperti tempat-tempat lain iaitu dengan berzikir dan berselawat di masjid sebelum diakhiri dengan sedikit jamuan yang disediakan oleh penduduk kampung. Pada ketika itu, penduduk Kampung Sebandi Ulu membawa pelbagai jenis juadah dan kuih muih di dalam talam dan dihantar ke masjid untuk dimakan bersama-sama penduduk kampung yang lain. Aktiviti ini telah beransur-ansur berubah dengan penduduk kampung mula menghias talam yang dibawa dan bertukar talam antara satu dengan yang lain bagi tujuan mengeratkan silaturrahim.



Selari dengan peredaran zaman, jenis kuih yang dihidang juga telah mula berubah. Pada zaman dahulu, kebanyakan kuih dibuat sendiri dan terdiri dari kuih-kuih tradisional seperti kuih bahulu, kuih penyaram, kuih sepit, kuih loyang dan lain-lain. Namun begitu, pada hari ini kuih-kuih tradisional telah diganti dengan kuih moden serta mudah dibeli seperti kek, biskut dan roti.



Sekarang masih terdapat juga penduduk kampung yang masih menghasilkan sendiri kuih tradisional dan digabungkan bersama beberapa jenis kuih moden.



Adalah diharapkan melalui penerbitan buku ini, pengetahuan berkaitan tradisi unik ini dapat dikongsi dengan masyarakat luar yang tidak berpeluang mengalami pengalaman 'Tukar Palak Kuih' di Kampung Sebandi Ulu. Buku ini akan menerangkan persediaan yang dilalui oleh penduduk kampung sebelum dan semasa tradisi ini dijalankan. Pengalaman tradisi sambutan Maulidur Rasul di kampung ini juga boleh dinikmati melalui aplikasi *Augmented Reality* di mana pembaca boleh melihat sorotan video yang telah direkodkan melalui peranti pintar.



Kampung Sebandi Ulu merupakan sebuah penempatan kaum Melayu yang terletak di Asajaya di daerah Kota Samarahan, Sarawak, yang terletak kira-kira 60km dari Bandaraya Kuching. Menurut Ketua Kampung Puan Rahmah Binti Haji Baylai, penempatan ini dipercayai berasal dari penerokaan hutan oleh lima orang adik beradik yang dikenali sebagai Nek Enjut, Nek Syen, Nek Pok, Nek Entali dan Nek Aing. Mereka berlima dikatakan berasal dari sebuah kampung berhampiran yang bernama Kampung Sambir dan telah meneroka hutan untuk bercucuk tanam terutamanya menanam padi huma. Akhirnya, keluarga ini terus menetap di sini kerana memperolehi hasil dari pertanian yang diusahakan.



## SEJARAH & ASAL-USUL KAMPUNG SEBANDI ULU

Perkataan 'Sebandi' berasal daripada sebutan 'ban' yang membawa maksud jalan atau laluan kecil yang digunakan untuk memudahkan orang pergi ke sawah padi atau ke kebun yang berpayau. Manakala perkataan 'di' pula adalah singkatan kepada padi. Oleh itu, 'Sebandi' adalah gabungan perkataan yang membawa maksud 'laluan padi'. Puan Rahmah Binti Haji Baylai memaklumkan kampung ini telah wujud lebih 100 tahun dahulu sepertimana yang telah diceritakan oleh arwah bapanya, iaitu bekas Ketua Kaum Sebandi Ulu, Allahyarham Hj Baylai bin Mat. Tambahnya lagi, pada ketika Kampung Sebandi Ulu mula diterokai, hanya terdapat lebih kurang lima buah rumah sahaja yang didirikan. Selepas Nek Mat iaitu bapa kepada Haji Baylai bin Mat dilantik menjadi Ketua Kaum pada sekitar tahun 1920-an, penempatannya telah mula bertambah kepada lebih kurang 50 buah rumah.

Pada hari ini, lebih kurang 200 buah rumah telah didirikan dan sebahagian besarnya adalah penempatan yang berkembang dari keluarga asal ketika di awal penubuhan kampung ini. Kampung Sebandi Ulu juga telah pesat membangun dengan terbinanya pelbagai kemudahan seperti Masjid, Tabika Kemas, Sekolah Rendah Kebangsaan, Pusat Internet 1 Malaysia (Pi1M), Dewan Serbaguna, padang bolasepak dan gelanggang Futsal.



# SAMBUTAN MAULIDUR RASUL DI KAMPUNG SEBANDI ULU



Maulidur Rasul berasal dari Bahasa Arab yang membawa maksud kelahiran Rasul iaitu hari keputeraan Nabi Muhammad S.A.W.. Hari ini disambut sempena hari keputeraan Baginda yang jatuh pada hari Isnin, 12 Rabiulawal Tahun Gajah bersamaan dengan 20 April 571. Setiap tahun pada hari ini, umat Islam di seluruh dunia akan mengadakan majlis memperingati keputeraan Nabi Muhammad S.A.W. dengan mengadakan pelbagai acara seperti perarakan, ceramah, selawat dan sebagainya.

Di Kampung Sebandi Ulu, persediaan menyambut Maulidur Rasul dimulakan dengan perbincangan oleh penduduk kampung bersama Ketua Kaum sekurang-kurangnya seminggu sebelum tarikh sambutan. Perancangan yang terlibat termasuk menyusun aktiviti dan melantik ahli jawatankuasa yang bertugas bagi memastikan semua perancangan berjalan lancar. Antara aktiviti yang dirancang pada hari sambutan Maulidur Rasul adalah majlis berzikir dan berselawat, jamuan makan tengahari, majlis Potong Jambul dan perarakan Tukar Palak Kuih.







# 04

## PERSEDIAAN MAULIDUR RASUL

- | Penyediaan Kue Tradisional
- | Penyediaan Palak Kue
- | Memotong & Menyusun Kue



# Penyediaan Kuih Tradisional

Beberapa hari sebelum berlangsungnya sambutan Maulidur Rasul di Kampung Sebandi Ulu, beberapa penduduk kampung sibuk menyiapkan beberapa jenis kuih dan kek yang biasanya telah ditempah awal. Beberapa jenis kuih tradisional seperti kuih bahulu, kuih jala, kuih kuyak, kuih idaran dan lain-lain disediakan sendiri oleh penduduk kampung manakala beberapa jenis kuih yang lain terutamanya kek, ditempah atau dibeli di kedai bakeri. Selain itu, kek lapis Sarawak juga menjadi pilihan yang popular kerana warnanya yang pelbagai dan boleh dijadikan hiasan yang menarik.







Bancuhan adunan kuih bahulu menggunakan acuan yang diperbuat dari tembaga sebelum dibakar menggunakan ketuhar.



Penduduk Kampung Sebandi Ulu biasanya menempah kuih bahulu dari Puan Jamayah Binti Pon yang masih mengekalkan proses pembuatan kuih ini secara tradisional.



# | Kuih Bahulu

Kuih bahulu adalah antara kuih tradisional yang paling popular digunakan sebagai hiasan bersama Palak Kuih. Kuih ini yang dihasilkan melalui adunan tepung, gula dan telur dipersembahkan melalui pelbagai bentuk flora dan fauna yang sesuai digunakan sebagai hiasan, selain enak dimakan.







## | Kueh Jala

Kueh Jala atau juga dikenali dengan nama kueh Sarang Semut merupakan kueh yang dihasilkan menggunakan tepung beras dan gula apung.



Proses penghasilannya agak rumit dan mengambil masa yang agak panjang kerana proses menggoreng kueh perlu dibuat satu persatu sehingga siap. Kueh ini agak rangup dan mudah pecah menyebabkan proses menggoreng perlu dibuat dengan berhati-hati.







Kuih ini diperbuat dari tepung yang dihasilkan dari beras yang telah dijemur kering. Kuih ini juga tidak memerlukan proses pembakaran kerana ianya hanya perlu dijemur selepas dibentuk menggunakan acuan kayu.



# | Kuih Kuyak







Kuih idaran yang telah siap digoreng dihidangkan bersama taburan tepung gula sebagai penambah perisa.



## | Kuih Idaran

Kuih ini diperbuat dari tepung dan telur sebelum diadun dengan sedikit air. Adunan tersebut direndam terlebih dahulu di dalam minyak sebelum digoreng di dalam minyak panas.







## Penyediaan Palak Kuih

---

Palak Kuih bererti kepala kuih yang merujuk kepada sebiji kek yang diletakkan di tengah talam dan dihiasi dengan kuih-muih tradisional di sekelilingnya. Manakala Tukar Palak Kuih pula bermaksud pertukaran Palak Kuih sesama penduduk kampung semasa sambutan Maulidul Rasul.








# | Palak Kuih

Palak kuih biasanya merupakan sebiji kek yang bersaiz sederhana dan dihiasi dengan pelbagai corak untuk diletakkan di tengah-tengah talam.



Tradisi Tukar Palak Kuih juga memberi hasil pendapatan tambahan kepada pengusaha membuat kek seperti Puan Mariam Binti Mohamad dan Cik Nurmila Binti Afendi. Tempahan yang diterima biasanya melebihi 200 buah kek yang perlu disiapkan sebelum sambutan Maulidur Rasul.







## Memotong & Menyusun Kuih

Pada malam sebelum sambutan Maulidur Rasul, sekumpulan kaum wanita akan berkumpul di rumah Ketua Kaum Kampung Sebandi Ulu dan bekerjasama memotong pelbagai jenis kek untuk dibungkus, disusun dan diagihkan mengikut talam yang telah disediakan. Kuih-kuih juga akan dibungkus dan diagihkan bersama kek yang telah dipotong tadi. Aktiviti ini secara tidak langsung telah mewujudkan suasana harmoni dan kerjasama antara penduduk kampung dalam memastikan perancangan sambutan Maulidur Rasul pada keesokan harinya berjalan dengan lancar.







Kek pelbagai warna dipotong dan disusun di dalam bekas plastik untuk diagihkan kepada penduduk kampung bagi hiasan talam Palak Kuih.







Kek yang tersedia dipotong dalam saiz yang hampir sama bagi memudahkan proses pembungkusan dan agihan. Kepelbagaian warna yang terdapat pada kepingan kek memberi keceriaan kepada hiasan talam Palak Kuih.







Penduduk Kampung Sebandi Ulu yang terdiri dari kaum wanita bekerjasama memotong, menyusun dan membungkus kek bagi persediaan sambutan Maulidur Rasul keesokan harinya.







# 05

## HARI MAULIDUR RASUL

- | Majlis Berzikir
- | Jamuan Makan Tengahari
- | Majlis Berzikir & Potong Jambul
- | Perarakan Tukar Palak Kuih





## Majlis Berzikir

---

Seawal jam 8.00 pagi pada hari Maulidur Rasul, sambutan dimulakan dengan majlis berzikir dan selawat ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W. oleh penduduk kampung di Masjid Bumiputra, Kampung Sebandi Ulu.





Masjid ini bukan sahaja digunakan sebagai tempat ibadat tetapi ianya juga berfungsi sebagai sebuah pusat komuniti setempat terutama bagi penganjuran pelbagai aktiviti.



Penduduk kampung yang kebanyakannya terdiri dari warga emas bersama-sama berzikir dan berselawat sehingga ke lewat tengahari.







## Jamuan Makan Tengahari

Setelah majlis berzikir ini tamat pada kira-kira pukul 12.00 tengahari, seorang wakil penduduk akan memalu beduk sebagai isyarat panggilan kepada semua penduduk kampung untuk datang berkumpul di masjid bagi jamuan makan tengahari.








Ketika ini, penduduk kampung akan berduyun-duyun datang dengan membawa pelbagai juadah makan tengahari yang dihidangkan di atas talam kepada semua yang hadir. Aktiviti makan tengahari ini berlangsung dengan agak pantas dan tamat dalam tempoh lebih kurang 30 minit sahaja. Semua warga kampung bekerjasama bermula dari proses menghidang makanan sehingga kepada berkemas dan semua ini berlaku tanpa arahan dari mana-mana pihak.

Semua warga kampung mengetahui tanggungjawab dan tugas mereka dalam memastikan aktiviti ini dilaksanakan dengan jayanya. Sebelum masuk waktu Zohor, ruang di dalam masjid telah dibersihkan dan bersedia untuk mendirikan solat berjemaah.







## Majlis Berzikir & Potong Jambul

Sebaik sahaja berakhirnya solat Zohor, sambutan Maulidur Rasul diteruskan dengan majlis Cukur Jambul untuk bayi serta bacaan zikir dan selawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W. Semua penduduk kampung telah sedia maklum dengan aktiviti ini dan tiada tempahan diperlukan bagi mana-mana ibubapa yang inginkan bayi mereka menyertai majlis ini.







Nilai harga emas yang diperolehi akan digunakan untuk disedekahkan kepada fakir miskin samada dalam bentuk wang ringgit atau bahan keperluan. Majlis ini akan tamat sejeurus sebelum masuknya waktu solat Asar.



Pada tahun 2019, seramai tiga orang bayi terlibat dan pernah pada suatu ketika seramai 10 orang bayi mengikuti majlis ini. Agama Islam menggalakkan bayi yang baru lahir dicukur sehingga botak bagi menyingkirkan kekotoran yang melekat di kepala bayi ketika masih di dalam kandungan. Rambut yang dicukur akan ditimbang dan dinilai dengan harga semasa nilai emas.







## Perarakan Tukar Palak Kuih

Acara kemuncak sambutan Maulidur Rasul iaitu perarakan Tukar Palak Kuih bermula sejurus selepas solat Asar. Sebaik sahaja beduk dipalu di Masjid Bumiputra, Kampung Sebandi Ulu, semua penduduk kampung secara beramai-ramai akan mula keluar dari rumah masing-masing dengan membawa talam yang dihiasi dengan pelbagai jenis kuih dan kek dan berarak menuju ke masjid dari pelbagai arah. Semua penduduk akan membawa masuk talam berisi kuih ke dalam masjid dan menyusunnya secara berbaris dan dikelilingi oleh semua yang hadir. Acara diteruskan dengan ucapan aluan dan terima kasih oleh Ketua Kaum dan ahli jawatankuasa yang terlibat.





Acara Tukar Palak Kuih ini disertai dengan meriah oleh hampir 1,000 orang penduduk dari 200 buah rumah di kampung ini. Pada kebiasaannya, setiap buah rumah akan menyediakan satu palak kuih bagi mewakili sebuah keluarga.







Perarakan Palak  
Kuih diiringi bunga  
manggar dan paluan  
tar yang dimainkan  
oleh kumpulan hadrah  
Kampung Sebandi Ulu.





Kuih muih akan diagih dan dibahagikan sesama penduduk dan talam asal akan dibawa pulang oleh si pembawa kuih itu tadi. Acara ini tamat selepas semua kuih telah bertukar tangan dan diakhiri dengan selawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W.







Acara kemuncak ini juga berlangsung dalam masa yang singkat dan tamat dalam tempoh satu jam sahaja selepas solat Asar. Semua aktiviti penduduk kampung kembali seperti biasa selepas jam 5.30 petang.







Reaksi penduduk kampung, peserta dan pelawat yang turut merasai kemeriahan perarakan Tukar Palak Kuih sempena sambutan Maulidur Rasul di Kampung Sebandi Ulu.







# 06

## GALERI PALAK KUIH

Berikut adalah beberapa contoh Palak Kueh yang terdiri dari sebiji kek di tengah-tengah talam dan dihiasi dengan pelbagai jenis kueh tradisional disekelilingnya.

































# 07

## PENUTUP





Pada kebiasaannya, sambutan Maulidur Rasul di Malaysia akan disambut dengan perarakan dan selawat ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W dan disertai oleh pelbagai lapisan masyarakat, tetapi penduduk di Kampung Sebandi Ulu menyambutnya dengan cara yang berbeza dan tidak terdapat di tempat-tempat lain. Sambutan yang unik ini telah berlangsung di kampung ini sejak sekian lama dan menjadi identiti Kampung Sebandi Ulu.

Penganjuran acara ini juga turut membuka peluang kepada penduduk kampung yang mengusahakan perniagaan memjual kek dan kuih-kuih tradisional untuk menjana pendapatan tambahan. Selain itu, kerjasama dan ukhuwah yang terjalin antara penduduk kampung merupakan kunci utama yang memastikan tradisi Tukar Palak Kuih ini masih diteruskan sehingga kini.







# 08

## BIBLIOGRAFI



\_\_\_\_\_ (2017, Dis 1). Tukar Palak Kuih Meriahkan Sambutan Maulidur Rasul di Asajaya. Front Desk. Retrieved from URL <http://www.frontdesk.com.my/bm/index.php/2017/12/01/tukar-palak-kuih-meriahkan-sambutan-maulidur-rasul-di-asajaya/>

\_\_\_\_\_ (2017, Dis 1). 'Tukar Palak Kuih' Tradition To Celebrate Maulidur Rasul In Asajaya. WN. COM. Retrieved from URL [https://article.wn.com/view/2017/12/01/Tukar\\_Palak\\_Kuih\\_Tradition\\_To\\_Celebrate\\_Maulidur\\_Rasul\\_In\\_As/](https://article.wn.com/view/2017/12/01/Tukar_Palak_Kuih_Tradition_To_Celebrate_Maulidur_Rasul_In_As/)

\_\_\_\_\_ (2017, Dis 12) Tukar Palak Kuih Meriahkan Sambutan Maulidur Rasul Di Asajaya Bernama.com. Retrieved from URL <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1351456>

\_\_\_\_\_ (2018, Nov 20). 'Tukar palak kuih' tradition enlivens Maulidur Rasul celebration in Asajaya. Bernama TV. Retrieved from URL <https://www.bernama.com/en/news.php?id=1666891>

\_\_\_\_\_ (2018, Nov 24). Bertukar palak Kuih Meriahkan Sambutan maulidur Rasul. Utusan Borneo Online. Retrieved from URL <https://www.utusanborneo.com.my/2018/11/24/bertukar-palak-kuih-meriahkan-sambutan-maulidur-rasul>

Andoy, B. (2019, Nov 24) [ Highlight ] Tradisi 'Tukar Palak Kuih' Kg Sebandi Ulu, Asajaya, Kota Samarahan Sarawak. Retrieved from URL <https://www.youtube.com/watch?v=EiPPQcCrfho>

Baylai, R. (2019, Nov 8). Temuramah oleh Rafee, Y.M., Jussem, S.W., Awangko Arshad, A.H., Abol Hassan, M.Z., , Maying, D., Wee, S.P.J di Kampung Sebandi Ulu, Asajaya

Mondri, P. (2019, Nov 9) Acara tradisi tukar palak kuih. Kampung Sebandi Ulu Asajaya Sarawak. Retrieved from URL <https://www.youtube.com/watch?v=AQObqTRBUVs>

Nawi, J. (2019, Nov 18) "Tukar Palak Kueh" Sambutan Maulidur Rasul. Kpg Sebandi Ulu. Retrieved from URL <https://www.youtube.com/watch?v=v1U4-25esNM>





# 09

## PENGHARGAAN



# PUSTAKA NEGERI SARAWAK, KUCHING

- **Ketua Sektor Perkhidmatan Depositori:** Puan Hayati binti Haji Sabil
- **Pustakawan:** Encik Izaruddin Bin Moss

# KAMPUNG SEBANDI ULU, ASAJAYA

- Puan Jamayah Binti Pon
- Puan Termat Binti Salleh
- Puan Nurita Binti Derahim
- Puan Mariam Binti Mohamad
- Cik Nurmila Binti Afendi
- Seluruh warga penduduk yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung.

## | SEKALUNG BUDI



Bismillahirrahmanirrahim,  
Assalamualaikum WBT.

Saya memanjatkan rasa syukur kepada Allah S.W.T. kerana atas kurniaNya, sekali lagi Kampung Sebandi Ulu, Asajaya, Sarawak telah mendapat perhatian dari pelbagai pihak, dan kali ini oleh pihak Pustaka Negeri Sarawak dan Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dalam projek penerbitan buku berkaitan Tradisi Perarakan Tukar Palak Kuih di sini. Perhatian dan kepercayaan sebeginilah yang terus menaikkan semangat saya untuk terus berkhidmat dengan cemerlang sebagai Ketua Kaum di Kampung Sebandi Ulu. Atas dasar kerjasama, kepercayaan serta perhatian seperti ini, diharapkan masyarakat di Kampung Sebandi Ulu akan terus bersatu dan akan memastikan kampung ini dikenali bukan sahaja di negeri Sarawak malah sehingga ke peringkat antarabangsa.

Terima kasih kepada pihak Pustaka Negeri Sarawak dan UNIMAS di atas usahasama, kerjasama dan persefahaman seperti ini dan diharapkan ianya akan semakin kukuh pada masa hadapan. Sebelum ini, beberapa pihak juga telah membuat liputan di Kampung Sebandi Ulu seperti Radio Televisyen Malaysia (RTM) Sarawak serta akhbar tempatan terutama berkaitan keunikan Perarakan Tukar Palak Kuih. Tradisi Perarakan Palak Kuih ini yang dianjurkan sempena Sambutan Maulidur Rasul sejak sekian lama akan terus dikekalkan sebagai satu mercutanda bagi Kampung Sebandi Ulu. Malah, tradisi ini akan terus menjadi HAK dan WARISAN Kampung Sebandi Ulu yang tidak dapat dilihat di tempat yang lain di negeri Sarawak. Penganjuran Tradisi Perarakan Palak Kuih ini sebenarnya adalah kunci kepada perpaduan dan kesepaduan dalam kepelbagaian yang ada dalam Kampung Sebandi Ulu.

Terima kasih juga kepada penduduk Kampung Sebandi Ulu yang tidak pernah mengenal erti lelah dalam menguruskan setiap aktiviti program yang telah dirancang. Perpaduan di kalangan penduduk Kampung Sebandi Ulu ini juga telah menjadi satu kekuatan untuk kemajuan Kampung Sebandi Ulu. Tidak lupa kepada Wakil Rakyat, Pejabat Residen, Pejabat Daerah Asajaya, KOSPEN Kampung Sebandi Ulu, Ahli Jawatankuasa Masjid, penduduk kampung, pihak Sekolah Kebangsaan Sebandi Ulu serta Pusat Internet Kampung Sebandi Ulu yang juga telah banyak menyokong Tradisi Palak Kuih ini.

Adalah diharapkan Tradisi Perarakan Tukar Palak Kuih di Kampung Sebandi Ulu akan terus kekal sebagai satu TRADISI dan HAK WARISAN Kampung Sebandi Ulu dan ianya dapat diwarisi generasi akan datang tanpa prejudis dan ditiru cipta oleh pihak lain.

Sekian.

JAMA @ RANMAH BINTI HAJI BAYLAI  
KETUA KAUM  
KAMPUNG SEBANDI ULU, ASAJAYA, SARAWAK





# 10

DI SEBALIK TABIR









Sesi temuduga bersama salah seorang penduduk kampung.







Sesi wawancara bersama Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan media setelah selesainya majlis perarakan Tukar Palak Kuih.







## INDEKS



<b>A</b>	<b>Acara</b> 40, 41, 45, 48, 69	<b>J</b>	<b>Jala</b> 4, 7	<b>P</b>	<b>Palak Kuih</b> 2, 5, 14, 15, 16, 20, 22, 26, 40, 41, 43, 50, 52, 69	<b>T</b>	<b>Solat</b> 33, 36, 38, 40, 48
	<b>Aktiviti</b> 18, 29, 33, 36, 48	<b>K</b>	<b>Kek</b> 4, 14, 15, 16, 18, 20, 22, 24, 40, 52, 69		<b>Penyediaan</b> 2		<b>Talam</b> 14, 15, 18, 20, 22, 33, 40, 45, 52
<b>B</b>	<b>Bahulu</b> 4, 5, 6		<b>Kuih</b> 2, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 11, 12, 14, 15, 16, 18, 20, 22, 26, 40, 41, 43, 45, 50, 52, 69		<b>Perarakan</b> 26, 40, 43, 50, 69		<b>Tradisi</b> 16, 69
	<b>Beduk</b> 32, 40		<b>Kuyak</b> 4	<b>S</b>	<b>Sarang semut</b> 7	<b>Z</b>	<b>Tradisional</b> 2, 4, 5, 6, 14, 52, 69
<b>E</b>	<b>Emas</b> 30, 37, 38	<b>M</b>	<b>Masjid</b> 28, 29, 32, 33, 40		<b>Sebandi Ulu</b> 4, 6, 18, 24, 28, 40, 43, 50, 69		<b>Zikir</b> 36
<b>I</b>	<b>Idaran</b> 4, 12		<b>Maulidur Rasul</b> 4, 16, 18, 24, 28, 36, 40, 50, 69		<b>Selawat</b> 28, 36, 45, 69		
	<b>Islam</b> 37						